



**TEKS UCAPAN
YB MENTERI KERJA RAYA
TUAN BARU BIAN**

**BERSEMPENA MALAM PENGHARGAAN MEDIA
KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN ANUGERAH
MEDIA PEMBINAAN CIDB 2019**

**PADA 14 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)
BERTEMPAT DI HOTEL PULLMAN, KUCHING,
SARAWAK.**

PENDAHULUAN

Selamat Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku,

Para hadirin sekalian,

1. Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran wakil-wakil media pada malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2019.
2. Saya berasa teruja dan amat gembira kerana diberi peluang sekali lagi bersama dengan tuan/puan pada malam ini. Untuk makluman, ini adalah penglibatan saya buat kali kedua bagi Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya dan Anugerah Media Pembinaan CIDB.
3. Saya amat terharu dengan kehadiran tuan/puan semua, saya sedar tuan/puan semua mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas-tugas harian masing – masing sebagai pengamal media.
4. Tahun 2019 merupakan tahun kelima penganjuran Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya dan Anugerah Media Pembinaan CIDB. Malam media pada hari ini merupakan siri pertama bagi program yang sama yang bakal menyusul di Sabah dan Kuala Lumpur selepas ini. Acara tahunan ini dianjurkan untuk menghargai jasa baik tuan/puan semua dalam memberikan liputan, publisiti, hebahan dan promosi kepada KKR dan juga agensi – agensi di bawah KKR.
5. Malam ini adalah malam penghargaan untuk tuan/puan semua yang telah banyak memberikan sokongan kepada kami. Saya berharap tuan/puan semua dapat bersantai dan bergembira bersama – sama kami pada malam ini.
6. Kementerian Kerja Raya sentiasa menganggap media sebagai rakan strategik KKR. Malah lebih tepat lagi rakan strategik jangka masa panjang. Saya berharap hubungan baik antara kita semua dapat terus kukuh dan tuan/puan semua dapat membantu kami menghebahkan informasi penting kepada orang ramai berkaitan inisiatif KKR, bersesuaian dengan motto KKR “Ke Arah Kesejahteraan Rakyat”.

7. Tuan/puan semua adalah penghubung kami untuk menyebarkan maklumat mengenai pembangunan dan halatuju infrastruktur negara kepada rakyat. Kementerian Kerja Raya bersama 6 agensi di bawahnya telah menggembeleng kepakaran dan tenaga untuk memastikan pembangunan dari segi teknologi, inovasi dan modal insan diangkat sebagai keutamaan kepada agenda pembangunan KKR.

JELAJAH TVET PEMBINAAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Pada 21 September yang lalu, saya telah merasmikan Jelajah TVET pembinaan yang merupakan inisiatif CIDB dalam mempromosi Technical and Vocational Education and Training (TVET) atau Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional kepada pelajar dan belia di Malaysia. Program Jelajah TVET Pembinaan ini memulakan siri jelajah buat pertama kalinya di Kuching, Sarawak dan edisi kedua pula telah diadakan di Terengganu pada 19 Oktober 2019.
9. Program ini amat penting terutamanya kepada belia untuk melengkapkan diri dengan ilmu kemahiran supaya mereka terus relevan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif dan dalam masa yang sama mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing yang kurang berkemahiran tinggi.
10. CIDB memperkenalkan TVET Pembinaan kerana dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) menerusi Teras Produktiviti ditekankan bahawa Malaysia bermatlamat untuk menghasilkan modal insan berpengetahuan, berkemahiran dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

BELANJAWAN 2020: “MEMACU PERTUMBUHAN DAN KEBERHASILAN SAKSAMA KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA”

Tuan/Puan sekalian,

11. Bajet 2020 yang bertemakan “**Memacu Pertumbuhan Dan Keberhasilan Saksama Ke Arah Kemakmuran Bersama**” memberi tumpuan kepada sasaran

Malaysia untuk menjadi negara maju melalui pertumbuhan ekonomi berkualiti merangkumi semua segmen masyarakat.

12. Seperti yang kita sedia maklum, Sarawak dan Sabah kekal sebagai dua (2) negeri yang menerima perbelanjaan pembangunan tertinggi dengan peruntukan masing-masing sebanyak RM5.2 bilion dan RM4.4 bilion dalam Belanjawan 2020.
13. Bagi memastikan pembangunan infrastruktur yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Sarawak dan Sabah, kerajaan komited untuk menyiapkan projek Lebuh Raya Pan Borneo.
14. Proses rasionalisasi kos projek berkenaan setakat ini menghasilkan penjimatan sebanyak RM1.2 bilion dengan mengurangkan kos projek kepada RM29 bilion.
15. Menerusi penjimatan tersebut, bajet dapat disalurkan kepada projek – projek lain bagi memacu pertumbuhan ekonomi di Sarawak dan Sabah seperti pembinaan Lebuh Raya Trans Borneo sepanjang 165 kilometer (km) yang menghubungkan Sarawak dan Sabah ke Kalimantan Timur, Indonesia. Kita sedia maklum bahawa kerajaan Indonesia akan memindah ibu kota mereka ke Kalimantan. Ini berita baik untuk kita semua.
16. Antara fasa komponen penting projek ini adalah pakej bernilai RM600 juta untuk 40km Jalan Kalabakan-Serudong di Tawau dan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS) dan kuarters perumahan kerajaan.
17. Di sini saya ingin memohon peranan rakan media untuk menulis banyak artikel berkaitan pemodenan industri infrastruktur yang sedang rancak dilaksanakan. Media massa memainkan peranan yang sangat penting bagi menyampaikan manfaat setiap pelaksanaan projek kepada rakyat di negara kita.

ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB

Para hadirin sekalian,

18. Pada tahun ini juga KKR masih meneruskan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2019 berturut-turut buat kali kelima. Pertandingan ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu:
 - i. Anugerah Media Cetak untuk Akhbar dan Majalah;
 - ii. Anugerah Media Elektronik untuk TV dan radio;
 - iii. Anugerah Media Online untuk artikel dan video; dan
 - iv. Anugerah Fotografi.
19. Untuk semua kategori pemenang pertandingan akan menerima sijil penyertaan dan wang tunai termasuk trofi. Setiap kategori ini hadiah pertama wang tunai yang bakal dibawa pulang ialah sebanyak RM5,000, manakala untuk pemenang kedua bakal membawa pulang sebanyak RM3,000 manakala untuk tempat ketiga bakal membawa pulang wang sebanyak RM2,000. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas penyertaan tuan/puan dalam setiap kategori yang telah dipertandingkan.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

20. Saya amat berharap majlis ini dilihat sebagai medium untuk mengeratkan hubungan silaturrahim, saling kenal mengenali, bertukar– tukar fikiran dan mengembangkan idea bagi mengenal pasti pendekatan yang lebih berkesan dalam usaha KKR berhadapan dengan cabaran pada masa kini.
21. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak urusetia program Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya (KKR) Dan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2019 kerana berjaya menganjurkan program ini dengan baik sekali. Tidak lupa juga kepada semua rakan-rakan media terima kasih di atas kehadiran tuan/puan. Selamat menjamu selera dan selamat malam.

Sekian, terima kasih.

God Bless.